

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27 June 2015

Empat strategi cegah, tangani bahaya dadah

Um - 27/6/2015

PUTRAJAYA 26 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak menggariskan empat strategi mencegah dan merawat masalah penyakit kronik yang merosakkan sistem fungsi otak akibat kesan pengambilan dadah.

Perdana Menteri berkata, pengubatan seluruh masyarakat untuk memahami, mengambil tindakan dan menjadi barisan hadapan memerangi isu dadah di komuniti masing-masing adalah elemen utama menjayakan misi negara bebas dadah.

"Ibu bapa dan keluarga merupakan entiti paling kecil dalam komuniti yang perlu memainkan peranan paling serius dalam memastikan anak-anak mereka tidak terlibat dengan gejala penagihan dadah.

"Elakkan dari bersikap "not me syndrome" kerana masalah dadah boleh menimpa sesiapa sahaja. Ia merentas status dan latar belakang serta kepercayaan seseorang," katanya dalam perutusan sempena Hari Antidadah Antarabangsa Tahun 2015 yang disambut hari ini.

Tema sambutan Hari Antidadah Antarabangsa yang ditetapkan oleh Pejabat PBB Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) tahun ini membawa mesej global yang memberi harapan bahawa

penyalahgunaan dadah boleh dicegah dan dirawat.

Sehubungan itu, katanya, kejayaan membanteras masalah dadah memerlukan pendekatan yang seimbang dan menyeluruh.

Menurut Perdana Menteri, sudah tiba masanya kerajaan menentukan dasar berkaitan dadah yang dinamik mengikut perkembangan masalah dadah semasa kerana ancaman dadah berbahaya dan bahan-bahan yang mengkhayalkan berubah dengan pesat mengikut arus perkembangan teknologi dan cara hidup manusia.

"Pembangunan ekonomi negara perlu selari dan seimbang dengan pembangunan sosial dan modal insan.

"Kerajaan telah melihat perkara ini dengan teliti. Matlamat kita untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020 akan terbantut sekiranya masalah keruntuhan moral dan sosial menjadi barah dalam kalangan anak-anak muda kita.

"Oleh itu, pelaburan sosial perlu dipertingkatkan segera meliputi pendidikan, pembangunan individu dan keluarga, pembangunan rohani dan jasmani serta peningkatan daya tahan dalam semua program dan aktiviti," katanya.